

Kerajaan tak mahu matlamat pelajar ke IPTA terpesong

M/S 6

PENGUMUMAN Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, semalam bahawa kerajaan tidak berhasrat menarik balik larangan mahasiswa di institut pengajian tinggi awam (IPTA) aktif dalam politik, perlu dilihat secara positif. Sambil mengakui tindakan itu bukan untuk menyekat mahasiswa membicarakan soal politik di kampus, ia dibuat bagi memastikan pelajar lebih memberi tumpuan kepada akademik, bukannya bergiat aktif dengan politik. Oleh itu, tidak timbul soal mahasiswa dihalang membicarakan soal politik di kampus kerana kerajaan sudah menubuhkan sudut pidato bagi membolehkan mahasiswa meluahkan pandangan dan pendapat mengenai sesuatu isu yang timbul dalam forum yang sihat. Bagi Muhyiddin, yang juga Menteri Pelajaran, adalah tidak wajar mana-mana pihak mahu menyamakan kebenaran membabitkan diri dalam politik yang diberikan kepada pegawai pendidikan, termasuk guru di sekolah supaya dilanjutkan kepada IPTA kerana di sekolah umur murid masih mentah dan tidak memberi sebarang kesan, sedangkan di universiti ia akan memberi kesan besar. Perlu diingat, ada negara maju menyekat mahasiswa mereka terbabit dalam politik bagi memastikan tumpuan mereka hanya kepada pelajaran. Walau apapun alasan diberikan bagi menghalalkan politik masuk ke kampus, kita perlu berpegang kepada matlamat asal pelajar ke menara gading iaitu untuk menimba ilmu dan bukannya berpolitik. Mahasiswa adalah golongan muda berkualiti, berilmu dan berketerampilan yang diperlukan dalam semua bidang untuk pembangunan negara. Memberi kebebasan berpolitik sepenuhnya kepada mahasiswa tanpa dihadkan dalam aktiviti tertentu boleh mencetuskan pelbagai masalah lain. Antaranya, mahasiswa yang taksub dengan politik kepartian mungkin mengabaikan pelajaran.

Kita sedar, walaupun ketika ini mahasiswa tidak dibenarkan terbabit politik, namun ramai yang secara diam-diam menyertai kempen, sama ada dalam pilihan raya kecil mahupun pilihan raya umum. Adalah sukar untuk menolak andaian lebih banyak kesan negatif daripada positif timbul jika dibenarkan pelajar berpolitik. Yang pasti, akan wujud perpecahan dalam kalangan mahasiswa di kampus. Kita lihat saja dalam pilihan raya kampus, perpecahan dua kumpulan penyokong begitu ketara iaitu prokerajaan dan promahasiswa (pembangkok). Andainya diberikan kebebasan penuh mahasiswa berpolitik, pasti akan ada kesan mendalam daripada pengaruh parti politik yang mereka sertai terhadap corak gerakan mahasiswa di kampus. Hilangnya kawalan dalam soal ini akan menjadikan kampus sebagai gelanggang mentarbiah kader politik yang bersikap idealistik atau ekstrem. Turut terbabit dalam perkembangan politik kepartian di kampus pastinya kalangan pensyarah, dekan dan pegawai kanan lain yang akan mempengaruhi kumpulan tertentu dengan ideologi mereka. Akibatnya suasana dan persekitaran kampus pasti tidak lagi kondusif untuk pembelajaran. Kampus yang menjadi tahap paling kritikal membina sahsiah pelajar, akhirnya menjadi sasaran parti memanipulasi mahasiswa untuk kepentingan politik mereka. Ternyata, keputusan kerajaan meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU), tahun lalu dengan menyediakan ruang lingkup penyertaan kepada mahasiswa dalam politik adalah memadai. Ketika ini, peruntukan AUKU hanya membenarkan mahasiswa terbabit politik jika mereka mendapat kebenaran naib canselor.